

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 17 JANUARI 2018 (RABU)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                   | <b>Akhbar</b>   |
|------------|----------------------------------------------------------------|-----------------|
| 1.         | Cabaran industri angkasa lepas                                 | Utusan Malaysia |
| 2.         | Usahawan angkasa lepas                                         | Utusan Malaysia |
| 3.         | New ride-hailing service DACSEE rides on blockchain technology | The Sun Daily   |
| 4.         | Cuaca jadi ancaman utama nelayan Sabah                         | KOSMO           |

# KERATAN AKHBAR

## UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20

### TARIKH : 17 JANUARI 2018 (RABU)

## Cabaran industri angkasa lepas

**P**ADA masa kini, sudah banyak syarikat menerajui bidang angkasa lepas, dan kini telah tiba masa untuk lebih serius dengan keusahawanan.

Industri angkasa lepas negara kita sebenarnya agak kecil, tetapi ia semakin berkembang dari semasa ke semasa dengan pimpinan Agensi Angkasa Lepas (Angkasa).

Malaysia memiliki dan mengendalikan tiga siri satelit iaitu mikrosatelit TiungSat-1, satelit komunikasi 'geostationary' MEASAT dan RazakSat iaitu satelit Observasi Bumi (EO) yang diletakkan di orbit oleh pelancaran komersial pertama yang berjaya oleh SpaceX pada 2009.

Ketua Pengarah Angkasa, **Dr. Noordin Ahmad** berkata, Malaysia mempunyai ekonomi yang membangun namun tidak mempunyai keupayaan atau saiz pasaran domestik yang boleh menyokong industri angkasa lepas yang berteknologi tinggi.

"Kita masih tidak ada keupayaan untuk membina teknologi. Walaupun kita bagus dalam perkhidmatan

dan menyediakan integrasi, tetapi kita tidak mampu walau hanya untuk membina cip tunggal bagi Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS).

"Sebagai contoh, negara pernah mempunyai sebuah syarikat sedemikian, tetapi permintaannya sangat perlahan dan menyebabkan syarikat itu tidak dapat dikekalkan kerana ia memerlukan pelaburan yang sangat besar selain kekurangan teknologi tinggi bagi sektor domestik," katanya.

Katanya lagi, Angkasa kini mewujudkan inisiatif untuk melaksanakan rancangan strategik industri angkasa lepas negara dan berharap agar dapat diterima oleh pihak kerajaan.

Sementara itu, ahli astrofizik pertama negara yang juga



MAZLAN OTHMAN



NOORDIN AHMAD

merupakan Pengarah Majlis Sains Antarabangsa (ICSU) pejabat serantau bagi Asia dan Pasifik, **Prof. Emeritus Datuk Dr. Mazlan Othman** berkata, Simposium Keusahawanan Angkasa Lepas (SES) merupakan satu langkah kecil untuk mengembangkan perniagaan bidang itu.

"Kita tahu akan kepentingan perniagaan, tetapi terlebih dahulu kita perlu ada industri yang kukuh agar bidang keusahawanan dapat berkembang dan untuk merealisasikan kita perlukan sokongan kerajaan.

"Sebagaimana usahawan angkasa lepas dari negara lain seperti India, Korea, Thailand dan Indonesia, mereka juga sependapat bahawa sokongan kerajaan itu sangat penting kerana angkasa lepas merupakan satu ruang kerja yang

amat sukar dan unik," katanya.

Pada masa yang sama juga katanya, syarikat yang terlibat dalam industri berkenaan turut perlu mencari pembiayaan persendirian, khususnya dalam ekosistem perniagaan negara ini yang agak mencabar.

Selain itu, cabaran dari segi polisi kerajaan yang ketat juga menyukarkan industri ini untuk berkembang.

"Persekitaran kawal selia juga tidak pernah ada, bukan hanya di angkasa lepas, malah dalam keusahawanan.

"Hal ini kerana polisi data kebangsaan negara tidak

dikemas kini bagi membolehkan kita untuk mengeksplotasi elemen angkasa lepas dan ini menjadikan perniagaan dalam bidang angkasa lepas hampir mustahil untuk dilakukan.

"Sekiranya perkara ini dapat diatasi, usahawan tidak hanya akan fokus kepada satu kepakaran


sahaja seperti teknologi *remote sensing* (penderiaan jauh) yang banyak diusahakan ketika ini, tetapi dapat beralih kepada kepakaran dan perkembangan inovasi serta teknologi lain yang lebih canggih dan mempunyai peluang lebih besar dalam industri," jelasnya.



MALAYSIA pernah memiliki dan mengendalikan tiga siri satelit untuk kegunaan sendiri. - GAMBAR HIASAN



# KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 20 TARIKH : 17 JANUARI 2018 (RABU)



## Usahawan angkasa lepas



Oleh NUR FATIEHAH  
ABDUL RASHID  
teharashid@gmail.com

**P**ADA tahun 1958, satelit komunikasi pertama dunia yang dicipta oleh unit ketenteraan Amerika Syarikat telah dilancarkan ke angkasa.

Apa yang menarik, satelit tersebut telah memancarkan suara Presiden Amerika yang ke-34 pada ketika itu iaitu Dwight D. Eisenhower dari bumi melalui satelit dan kembali ke bumi untuk rakyat Amerika dengan kata-kata *Through the marvels of scientific advance, my voice is coming to you from a satellite traveling in outer space.*

Serentak itu, bermulalah misi saintifik kapal angkasa Apollo yang dilancarkan untuk menghantar satelit mengorbit bumi dan ia menjadi salah satu punca pendapatan utama Amerika Syarikat (AS) dalam dunia telekomunikasi.

Perniagaan dalam bidang angkasa lepas sememangnya sangat unik berlandaskan kepada cabaran teknologinya, kos yang tinggi untuk sebarang kerosakan dan kedudukan istimewa bagi setiap rekod pencapaian yang berjaya, meletakkan syarikat yang terlibat dalam suatu persekitaran baru dan terkehadapan berbanding industri lain.

Bidang keusahawanan angkasa lepas di Malaysia pula dilihat masih lagi jauh ketinggalan berbanding negara luar dan bertitik tolak daripada itu, satu forum bertajuk Simposium Keusahawanan Angkasa Lepas (SES) telah diadakan baru-baru ini.



AHLI-AHLI panel (dari kiri) Dr. Fadzil Mohd. Akhir, Dr. Noordin Ahmad, Profesor Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed Shariff dan Dr. Ahmad Salahuddin Mohd Harithuddin pada Simposium Keusahawanan Angkasa Lepas 2017 di Serdang, Selangor baru-baru ini.

Simposium yang julung kali diadakan itu merupakan anjuran bersama antara Universiti Putra Malaysia (UPM), Persatuan Aeroangkasa Malaysia (Aeros), Malaysia Space Initiative (Msi), Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UITM).

SES memfokuskan isu berkaitan kemajuan teknologi angkasa dan keusahawanan dalam usaha untuk mencetus inspirasi kepada golongan insipirasi dan profesional untuk menceburi serta merebut peluang dalam sektor perniagaan berteraskan angkasa di negara ini.



DR. AHMAD SALAHUDDIN MOHD HARITHUDDIN

Inisiatif yang dilaksanakan agensi dan institusi pendidikan itu dihadiri lebih 200 peserta dan menggabungkan ahli panel pengalaman untuk berkongsi ilmu pengetahuan, idea dan pendapat dalam bidang angkasa lepas.

Pengarah program, Dr. Ahmad Salahuddin Mohd. Harithuddin berkata, simposium berkenaan

merupakan satu program yang cukup unik dan pertama kali dianjurkan di negara ini apabila ia menyaksikan pembentangan dan sesi perbincangan yang melibatkan wakil kerajaan, ahli akademik dan pemain industri. "Antara topik yang dibincangkan merangkumi cara-cara untuk memulakan dan

membangunkan industri angkasa lepas, peluang-peluang dalam industri untuk usahawan dan cabaran yang dihadapi industri angkasa lepas tempatan," katanya ketika ditemui di UPM, Serdang.

Antara panel yang dijemput ialah Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr. Noordin Ahmad; ahli astrofizik negara yang juga bekas Ketua Pengarah Angkasa, Prof. Emeritus Datuk Dr. Mazlan Othman; Pengarah Eksekutif Independence X, Izmir Yasmin; dan Penyelidik Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Mohd. Fadzil Mohd. Akhir.

Tambahnya lagi, SES juga bertujuan untuk mengumpulkan usahawan dan pendidik agar dapat melihat ke mana hala tuju bidang aeroangkasa negara,



MOHD FAIROOS ASILLAM

sekali gus dapat mengumpulkan serta menerima maklum balas bagi industri ini berkaitan potensi-potensi ekonomi yang ada.

"Panel-panel yang dijemput adalah mereka yang sangat hebat dan berpengalaman dalam bidang angkasa lepas, dan diharapkan perkongsian mereka dapat membuka usaha yang lebih luas untuk mencapai matlamat mengembangkan keusahawanan angkasa lepas," ujarnya.

Sementara itu, menurut salah seorang peserta, Mhd. Fairoos Asillam, SES merupakan simposium pertama seumpamanya yang membincangkan berkenaan ruang angkasa lepas dan peluang keusahawanan apabila sebelum ini ia banyak membincangkan tentang sains dan teknologi.

"SES ini telah berjaya mencapai matlamatnya untuk membuka mata penyelidik muda tentang bagaimana angkasa lepas boleh menyatu dan membuka peluang perniagaan yang baik.

"Dalam masa yang sama, peserta juga mendapat input serta berpeluang memberi pandangan dan dapat membuka peluang perniagaan yang baik," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Naib



DR. RENUGANTH VARATHARAJOO

Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Prof. Dr. Ir. Renuganth Varatharajoo berkata, apa yang hendak diutarakan pada simposium itu adalah peluang dan ruang dalam bidang angkasa yang boleh mendatangkan peluang pekerjaan khususnya kepada mahasiswa.

"Kita lihat ramai mahasiswa yang mempunyai pengetahuan berkenaan bidang angkasa lepas, tetapi mereka tidak ada bidang kerja yang bersesuaian. Hal ini kerana terdapat jurang antara teknologi, jadi program ini juga merupakan satu usaha untuk menghubungkan kedua-duanya, sekali gus menjadi platform mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam bidang angkasa lepas.

"Setelah dikupas, kita perolehi bahawa ruang dan peluang yang ada dalam bidang ini cukup banyak, tetapi usahawan atau mereka yang terlibat dalam bidang ini memerlukan inovasi dari segi aplikasi baharu untuk pergi lebih jauh," katanya.

Jelasnya, apa yang penting, mereka yang terlibat perlu bijak mengolah produk baharu khususnya dari segi aplikasi yang belum ada di pasaran negara mahupun global.

"Berdasarkan simposium itu, apa yang boleh disimpulkan adalah, walaupun banyak perkara yang perlu ditambah baik dari segi teknologi dan sebagainya, tetapi dari segi kebolehpasaran ia mempunyai peluang yang cukup besar dan keusahawanan angkasa lepas mampu pergi lebih jauh lagi," katanya.





## New ride-hailing service DACSEE rides on blockchain technology



From left: DMD Technology co-founder Mohd Jamil Abd Wahab, DMD Technology CEO Andrew Chuah, DACSEE CEO Alexander Von Kaldenberg, Abu Bakar, Lim and DACSEE CFO Ethan Kim during the soft launch of DACSEE in Petaling Jaya today. Adib Rawi Yahya/theSun

**PETALING JAYA:** A new ride-hailing service that was introduced today will test regulators' tolerance of the use of cryptocurrency in business, as it looks to grow its driver base by paying out commissions in cryptocurrency.

The brand-new ride-sharing service offered by Decentralised Alternative Cabs Servicing and Empowering Everyone (DACSEE) uses an e-wallet system powered by blockchain technology. A soft launch was held today and the app for the ride-sharing service is to be officially rolled out in April. **Science, Technology & Innovation Deputy Minister Datuk Abu Bakar Mohamad Diah** attended the soft launch.

The DACSEE platform enables drivers to build their own fleet with partner drivers and users registering with DACSEE automatically become a rookie driver and passenger, which gives drivers and referees a 1-2% overriding commission in the form of DACSEE Token, offering opportunities to earn passive income.

On the part of the riders, the payment method is the same as for other ride-hailing services – with cash, debit card or credit card.

According to a media statement by the company, the tokens can be exchanged at any time into any world currency through authorised cryptocurrency exchanges.

DACSEE's white paper published on its website revealed that the token is a "decentralised Ethereum ERC20 token that customers will use to pay for taxi rides in a cryptographically-secured, unstopable fashion".

"It will be distributed to ICO (initial coin offering) contributors automatically through the Ethereum network and will be accessible to all users online through the DACSEE Wallet



App and in Google Play Store. Like all ERC20-compliant tokens, DACSEE tokens may be stored and transferred only with an Ethereum private key and can be used across platforms in many wallets compatible with Ethereum," the white paper read.

However, at today's soft launch, DACSEE COO and co-founder Lim Chiew Shan did not directly answer whether the token is a form of cryptocurrency, except to say that it is a "blockchain-based" technology. He also denied any multi-level marketing structure in its business model.

"The technology beneath DACSEE is blockchain because we want the payment to be as transparent as possible. If you are a driver, I deduct RM2 from you, you can check DACSEE's account (to see) where this RM2 goes ... this is why it is (called) crypto," said Lim.

"The DACSEE token is a reward and the crypto is just a technology beneath it. We are not saying that one has to buy Dacsee tokens to pay. It is not a form of payment, it is basically a technology that runs the platform because we want it to be transparent," he added.

DMD Technology Sdn Bhd, the app developer, was incorporated on Jan 2, 2018.

All stakeholders including the founders of the platform, drivers and referees will all be rewarded with this token. A driver will have to get three references in order to obtain a driver ID, as part of a verification process. One of the referees will be the Land Public Transport Commission (SPAD).

When contacted, a SPAD spokesperson confirmed that the company did engage with the commission, but stressed that it was merely at the preliminary level whereby the company's business model had been presented. No approvals have been given.

The Securities Commission declined to comment when contacted regarding the new venture.

Besides Malaysia, DACSEE's service has already been launched in Thailand. *Bangkok Post* reported on Dec 25 that the blockchain-based ride-sharing platform was in the ICO phase with the aim of raising US\$20 million (3.9 billion baht).



## Cuaca jadi ancaman utama nelayan Sabah

**T**RAGEDI nelayan hilang dan lemas akibat dihanyutkan arus laut lepas acap kali berlaku di Sabah.

Kebarangkalian untuk nelayan hilang akibat dipukul ombak dan angin kencang amat tinggi apabila mereka turun ke laut dalam keadaan cuaca tidak menentu.

Buktinya, tirai tahun 2018 pihak Maritim Malaysia (APMM) Wilayah Sabah dan Labuan memaklumkan mengenai kehilangan seorang lelaki di perairan Pulau Tiga.

Mangsa, Abdul Molah Mansol, 46, yang menaiki sebuah bot dikatakan tidak pulang ke rumahnya di Pulau Gaya sehingga ke hari ini selepas keluar menangkap ikan kira-kira pukul 5.30 pagi, sejak Selasa lalu.

Belum reda dengan insiden berkenaan, komuniti maritim dan penduduk tempatan dikejutkan pula dengan berita kehilangan seorang lagi nelayan di perairan Pulau Jambongan, Beluran pada Jumaat lalu.

Bagaimanapun, berpantang maut sebelum ajal mangsa, Mustapa Opong, 45, dijumpai selamat dan keletihan di atas bot kayu miliknya di persisiran pantai, Kampung Obah, Beluran tidak lama kemudian.

Difahamkan, ketika berlakunya kedua-dua insiden terbabit, cuaca di laut tidak menentu dan membahayakan operasi bot-bot kecil.

Jabatan Meteorologi Malaysia telahpun mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama berlaku di negeri itu pada Sabtu lalu.

Amaran tersebut menyebut angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40-50 kilometer sejam (km/sj) dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dijangka berlaku di pedalaman pantai Barat Sabah dan daerah Kudat termasuk Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut," kata kenyataan itu lagi.

Selain itu, amaran ribut petir menyeluruh turut dijangka berlaku di Sulu, Tio-man dan Bunguran serta boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 km/sj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

Biarpun amaran cuaca sudah dikeluarkan dan disusuli peringatan daripada pihak berkuasa supaya aktiviti di laut dapat dikurangkan namun, golongan nelayan tidak mempunyai pilihan.

Demi kelangsungan hidup mereka perlu cekal mencari rezeki untuk sesuap nasi dan bertawakal dalam mengharungi sebarang kemungkinan tatkala berada di lautan.

Dalam pada itu, Pengerah Maritim Malaysia (APMM) Wilayah Sabah dan Labuan, Laksamana



Demi kelangsungan hidup, nelayan perlu cekal mencari rezeki untuk sesuap nasi dan bertawakal dalam mengharungi sebarang kemungkinan tatkala berada di lautan

Muda Maritim Datuk Mohd. Zubil Mat Som turut menyarankan supaya komuniti maritim, persatuan nelayan, persatuan pemancing dan individu agar lebih berhati-hati ketika keluar ke laut dalam keadaan cuaca tidak menentu.

"Ini disebabkan angin kencang dan ribut seumpama ini akan memberi kesan di sekitar perairan Sulu dengan ombak dijangka mencapai setinggi 2.5 meter dan kelajuan angin dijangka mencapai 40km/sj.

"Justeru, semua pihak perlu menitikberatkan aspek keselamatan bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku di perairan," jelasnya lanjut.

Menurut Mohd. Zubil, direkodkan, pada tahun lalu seramai 214 mangsa terlibat dalam tragedi di laut yang mana 165 individu berjaya diselamatkan, 23 orang meninggal dunia manakala 26 mangsa pula masih hilang dan gagal ditemui sehingga hari ini.

Golongan kaki pancing dan kumpulan ekspedisi Gunung Kinabalu turut diminta menitikberatkan langkah berjaga-jaga.

Pengerusi Persatuan Malim Gunung Kinabalu, Junaydie Sihan menegaskan, meskipun pendakian dijalankan seperti biasa namun elemen keselamatan tetap menjadi keutamaan.

"Ekspedisi mendaki Gunung Kinabalu tidak pernah tutup tetapi ia akan dihentikan sekiranya berlaku angin kencang mahupun hujan ketika dalam perjalanan menuju puncak. "Lazimnya, para pendaki akan dinasihatkan supaya turun atas faktor keselamatan dan bagi mengelakkan sebarang perkara tidak diinginkan berlaku," katanya kepada Kosmo!

Pada 9 Januari lalu, Kosmo! pernah melaporkan mengenai insiden yang menimpa seorang pakar mata di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Prof. Madya Dr. Nazri Omar, 49, yang ditemui pengsan kira-kira 600 meter dari puncak Gunung Kinabalu sebelum disahkan meninggal dunia sembilan jam kemudian dipercayai akibat kesejukan.



BEBERAPA buah jet pejuang Piarouille Suisse (pengawal Swiss) dan sebuah pesawat komersial melintasi sebuah tebing semasa Kejohanan Piala Dunia Ski Alpine FIS di Wengen, Switzerland baru-baru ini.